



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 5 Januari 2023

1	Ternakan musnah akibat banjir besar
2	Pembantu Penguat kuasa Veterinar tak mengaku rasuah RM35,000
3	Bau baja najis ayam, babi ganggu aktiviti penduduk

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



MOHD. ZAMRI menunjukkan baki itik nila yang masih selamat ketika ditemui di Kampung Tok Ding, Semerak, Pasir Puteh semalam.

Ternakan musnah akibat banjir besar

PASIR PUTEH — Seorang lelaki kerugian RM25,000 apabila ternakan itik nila, ikan keli dan ubi kayu yang diusahakannya sejak setahun lalu musnah dalam kejadian banjir di Kampung Tok Ding, Semerak di sini baru-baru ini.

Mohd. Zamri Deris, 50, berkata, banjir pada 18 Disember lalu menyebabkan 10 sangkar yang menempatkan 5,000 ekor ikan keli ternakannya pecah sebelum masuk ke Sungai Semerak.

Katanya, dia reda dengan takdir dan berniat untuk menyedekahkan kesemua ternakan itu kepada kaki pancing dan mereka yang menahan pukat di sungai tersebut.

"Sebanyak 300 ekor itik nila yang sedia dijual bersama anak berusa lebih sebulan mati di dalam sangkar akibat lemas.

"Selain itu, ubi kayu yang sudah boleh dituai di kawasan seluas 0.9 hektar juga musnah dan membosuk apabila ditenggelami air selama tiga hari," katanya sambil memberitahu ia merupakan projek pertamanya.

Menurut Mohd. Zamri, banjir besar itu menyebabkan dia tidak mendapat sebarang pulangan meskipun ternakan dan tanaman sudah boleh dijual.

Tambahnya, hanya 40 ekor itik yang masih hidup dan perlu dibiakkkan semula. Dia terkilan kerana projek itu diusahakan menggunakan modal sendiri.

"Saya langsung tak menyangka kawasan ini akan terjejas kerana ia tidak pernah dinaiaki air sejak 49 tahun lalu. Hanya ini sahaja mata pencarian saya," katanya yang berharap ada pihak akan membantunya.

Pembantu penguat kuasa veterinar tak mengaku rasuah RM35,000

Kuala Terengganu: Seorang pembantu penguat kuasa veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM35,000.

Tertuduh, Abol As Mohd Jamil, 43, yang bertugas di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta rasuah bernilai RM35,000 sebagai dorongan menurunkan seksyen pertuduhan kepada hukuman yang lebih ringan bagi kes yang dituduh di Mahkamah Sesyen di sini bagi kesalahan mengikut Seksyen 32 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Bagi pertuduhan kedua, ter-

tuduh didakwa menerima rasuah bernilai RM35,000 daripada individu sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Jalan Fikri Kampung Seberang Takir Kuala Nerus pada 27 Julai dan 3 Ogos lalu.

Berdakwa pentara 20 tahun

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 7 Februari depan sebagai tarikh se-



Abol As dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Faizul Azlan Razak/BH)

butan semula kes.

Mahkamah juga membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan iaitu perlu melapor diri ke pejabat SPMR antara 1 hingga 5 hari bulan

setiap bulan dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada SPRM Terengganu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Farrah Yasmin Salleh dan Nur Atikah Aziz, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Hazwan Hamidun.

Bau baja najis ayam, babi ganggu aktiviti penduduk

Penghuni Taman Saujana mahu pihak berkuasa siasat, bertindak

Oleh Mohamad Fahid Rahmat
bhnews@bh.com.my

KLUANG: Lebih 500 keluarga di Taman Saujana, di sini, terpaksa menghindari bau busuk, dipercayai campuran najis ayam dan babi yang dijadikan baja untuk ladang buah naga yang terletak di bawah grid elektrik.

Pemandu ambulans, Muhammad Azam Ali Ahmad, 35, beliau pernah ke ladang berkenaan dan bertemu seorang lelaki dipercayai pemilik yang mengaku bau busuk itu datang daripada campuran najis ayam dan babi, dijadikan baja untuk tanaman buah naga diusahakannya.



Muhammad Azam dan Ahmad Fauzi menunjukkan baja campuran najis ayam dan babi yang digunakan di ladang buah naga di Kluang, semalam.

(Foto Mohamad Fahid Rahmat/BH)

"Bau busuk ini sejak seminggu lalu hingga majikan minta saya siasat. Selepas mengambil gambar lelaki berkenaan dan ingin bertanya lanjut, dia segera meninggalkan tempat itu," katanya semalam.

Bantuan perlu diperoleh
Pemilik bengkel kereta, Ahmad Fauzi Mohamad Nor, 46, berkata bau busuk yang bertambah kuat

ketika hujan dan angin kuat membuatkan pelanggannya tidak selepas.

"Pelanggan pun mengadu dan jika masalah ini dibiarkan berterusan, saya kuaratir perniagaan di sini terjejas," katanya menggesa pihak berkuasa berkaitan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

Katanya, bau busuk itu meng-

ganggu aktiviti penduduk termasuk kariah surau, kaktangan dan pesakit hospital, pusat asuhan dan pemilik kedai di kawasan terbabit.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Norliyati Md Nor ketika dibubungi, berkata pihaknya belum menerima aduan mengenai isu itu, namun memberi jaminan akan menyiasat.